

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH**  
**[LENGGONG]**  
**TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 66**

**Y.B. DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [ LENGGONG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah sehingga kini Kerajaan masih lagi gagal untuk memperkukuhkan nilai mata wang sehingga mengakibatkan nilai ringgit mencatat nilai paling rendah dalam sejarah berbanding baht.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pengukuhan baht Thailand bukan sahaja berbanding ringgit tetapi juga berbanding mata wang serantau yang lain. Sehingga 14 Mac 2019, baht Thailand telah menambah nilai sebanyak 2.7% berbanding peso Filipina, 1.8% berbanding dolar AS, 1.2% berbanding dolar Singapura, 1% berbanding rupiah Indonesia dan 0.7% berbanding ringgit. Walau bagaimanapun, prestasi ringgit juga adalah lebih stabil berbanding dengan mata wang serantau. Ringgit telah menambah nilai sebanyak 0.4% berbanding dolar Singapura, 1.2% berbanding dolar AS dan 1.5% berbanding peso Filipina bagi tempoh yang sama.

2. Faktor utama kejatuhan nilai ringgit serta mata wang serantau adalah didorong oleh faktor luaran, antaranya:

- a. ketidakstabilan pasaran dunia akibat risiko perang perdagangan (*trade war*) antara Amerika Syarikat dan China;
- b. kenaikan kadar faedah oleh bank pusat Amerika Syarikat menyebabkan pelabur menilai dan mengimbangi semula kedudukan portfolio mereka dalam pasaran kewangan “ekonomi sedang pesat membangun” (*emerging economies*); dan
- c. kebimbangan mengenai risiko kesan penularan (*contagion effect*) dalam kalangan mata wang ekonomi sedang pesat membangun.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu ini, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel telah memainkan peranan yang penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik. Namun begitu, volatiliti ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Oleh itu, Kerajaan akan sentiasa

memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah untuk memastikan kecairan yang mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran.

4. Antara langkah tersebut adalah penetapan syarat supaya sebahagian besar hasil eksport dalam mata wang asing ditukar kepada ringgit. Langkah ini bertujuan menambahkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan peningkatan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir bagi mengekang aktiviti spekulasi.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Dalam jangka masa panjang, nilai ringgit akan didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara. Sehubungan itu, Kerajaan akan terus menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi, memperkukuh daya saing ekonomi dan kedudukan fiskal negara. Dengan ini, prestasi ringgit, rizab negara dan pasaran modal akan terus meningkat seiring dengan pengukuhan asas ekonomi negara dan pasaran kewangan global.